

**SOALAN NO. 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI)**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang (Sibuti) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian bagi meningkatkan penglibatan wanita bandar dan luar bandar terutama golongan ibu tunggal dan suri rumah melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan apakah usaha Kementerian meningkatkan penglibatan wanita dalam Ekonomi Digital.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita sentiasa memberi komitmen untuk meningkatkan penglibatan wanita bandar dan luar bandar terutama golongan ibu tunggal dan suri rumah dalam pembangunan negara agar mereka dapat menjana pendapatan sendiri dan meningkat kesejahteraan hidup. Oleh yang demikian, agensi-agensi di bawah Kementerian akan memberikan latihan di peringkat awal kepada para wanita yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai usahawan melalui program-program yang dijalankan oleh KPWKM ataupun melalui kerjasama dengan Kementerian/agensi lain bagi membantu mereka menambah pendapatan.

Kementerian ini sentiasa mencari alternatif terbaik dalam meningkatkan pembangunan kapasiti semua golongan wanita sama ada di bandar atau luar bandar. Antara usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian ialah memberi latihan terhadap usahawan yang ingin memulakan

perniagaan dan mewujudkan program bazar wanita untuk wanita-wanita memasarkan produk.

Selain itu, Kementerian turut melakukan NBOS bersama agensi/Kementerian lain seperti kerjasama bersama pihak *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam Ekonomi Digital. Pada 1 Oktober 2017 yang lalu bertempat di PLLP Bangi, pihak Kementerian telah bekerjasama dengan MDEC dalam menganjurkan Program *Bootcamp eUsahawan Edisi Women Entrepreneur*. *Bootcamp* ini diadakan adalah bertujuan untuk menggalakkan penyertaan usahawan wanita untuk menggunakan platform digital sebagai penambah cara bagi mereka menambahkan pendapatan dan membantu mereka mencapai pasaran yang lebih luas dalam bidang keusahawanan dan pada masa yang sama dapat meningkatkan taraf ekonomi dan kehidupan mereka. Seramai 400 wanita menyertai program ini dan 254 daripadanya telah mendaftar untuk menyertai program eUsahawan ini.

Menerusi program ini, dua inisiatif teras ekonomi digital kelolaan MDEC iaitu eUsahawan dan eRezeki telah didedahkan kepada rakyat di mana terdapat pelbagai kaedah dan teknik untuk meraih jualan serta menjana pendapatan

tambahan secara online. Inisiatif-inisiatif ekonomi digital ini adalah seiring dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), yang memberi tumpuan khusus kepada meningkatkan lagi ekonomi yang berorientasikan rakyat, meliputi kepentingan dan keutamaan rakyat seperti kos sara hidup, pendapatan isi rumah, peluang pendidikan dan pekerjaan, keusahawanan serta jaringan keselamatan sosial.

Selain itu, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) juga akan mengadakan Program eRezeki dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita. Program eRezeki ini adalah inisiatif Digital Malaysia yang bertujuan untuk menghubungkan golongan berpendapatan rendah dengan saluran pendapatan digital. Dengan eRezeki, individu diberi latihan untuk melakukan tugas digital yang bersesuaian dan menjadi sebahagian tenaga kerja digital yang berdaya saing. Program ini telah dilaksanakan pada 11 November 2017 (Sabtu) bertempat di Alam Avenue, Shah Alam.

Program eUsahawan juga disasarkan kepada golongan usahawan muda di kalangan pelajar TVET dan usahawan mikro. Program ini memberi ilmu dan tunjuk ajar kepada usahawan belia dan usahawan mikro dalam menggunakan platform digital dan media sosial sebagai medium untuk

menjana pendapatan dan meningkat jualan. Ia disampaikan dalam bentuk kursus yang dijalankan di pusat-pusat Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) awam yang terpilih di seluruh negara. Antara ilmu dan teknik keusahawanan digital yang diajar merangkumi topik-topik seperti *social media marketing*, *mobile commerce*, analisis data untuk memperbaiki keberkesanan pemasaran secara digital, bayaran di atas talian, pengiklanan digital dan juga keselamatan siber.

Selain itu, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Sembilan melalui kerjasama dengan UKM dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan telah mengadakan satu program keusahawanan ‘Netpreneur’ bagi melatih dan mengembangkan potensi usahawan wanita diperingkat Negeri Sembilan. Sebagai permulaan, satu seminar yang mensasarkan kepada 100 orang usahawan diadakan pada 21 Oktober 2017 di Seremban. Melalui seminar ini, seramai 40 orang peserta akan dipilih untuk mengikuti satu bengkel intensif selama 2 hari 1 malam di Universiti Kebangsaan Malaysia yang dijangka akan dilaksanakan pada bulan Februari 2018. Peserta terpilih akan dilatih dari segi pemasaran offline dan online, pengendalian laman sesawang dan seterusnya pengurusan kewangan.

Manakala program seperti taklimat eRezeki pula diadakan pada 8 November 2017 dengan sasaran peserta seramai 60 orang wanita.

Jabatan Pembangunan Wanita melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri di seluruh negara akan terus menggiatkan usaha-usaha untuk meningkatkan penglibatan wanita terutama ibu tunggal dalam bidang keusahawanan dan Ekonomi Digital.